

# Penuntut UPM kongsi budaya antarabangsa

**S**ERAMAI 150 pelajar antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM) berkongsi kebudayaan negara masing-masing ketika menyertai Majlis Persembahan Kebudayaan Pelajar Antarabangsa 2008, di universiti itu, baru-baru ini.

Ketua Bahagian Antara-

bangsa UPM, Nor Adida Abd Khalid, berkata pelajar terbabit dari 11 negara iaitu Thailand, Jordan, Mongolia, Ethiopia, Vietnam, Indonesia, Myanmar, Pakistan, Yaman, Bangladesh dan Iran.

"Majlis ini sebahagian pengisian program Putra Sarjana bertujuan mem-

promosi dan menghargai kepelbagaian budaya, selain meneguhkan kesatuan pelajar tempatan dan antarabangsa di universiti ini.

"Antara persembahan yang diketengahkan ialah tarian tradisional, permainan alat muzik, lagu serta pakaian tradisional negara terbabit,"

katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Antara kumpulan yang membuat persembahan pada majlis itu ialah Putra Kalashektra, Persatuan Seni Budaya Zhong Hua, Kumpulan Rudraksha Urumi Melam dan Kumpulan Kebudayaan Adimastuli. **B.H 5/9/08**